

KOTA INDERA KAYANGAN

Oleh: ALWI SUDIN

PADA zaman pedang, tombak, keris, lembing dan sebagainya menjadi alat senjata peperangan, kota atau tembok begitu penting dalam strategi pertahanan. Tembok Besar Cina telah dibina semasa Dinasti Chin dan diperkukuhkan oleh Maharaja Shih Huang Ti. Panjang tembok ini 2410 kilometer dan tingginya lebih kurang 10 meter, merupakan kubu atau kota pertahanan yang mengagumkan serta menakjubkan buaatannya hingga pada zaman ini. Begitu juga Kota Bastille di Perancis, A Famosa di Melaka, Kota Kuala Kedah merupakan antara ribuan kota atau tembok pertahanan zaman silam di seluruh dunia.

Di Perlis Indera Kayangan sebuah dari daerah negeri Kedah pada masa lalu, terdapat beberapa kota pertahanan. Antaranya ialah Kota Indera Kayangan, Kota Sena, Kota Teluk Bua dan lain-lain yang menjadi benteng pertahanan daripada serangan musuh. Walaupun kota-kota di Perlis tidak sehebat dan



Merempuh Kota Bastille

segagah Tembok Besar negeri China atau Kota Bastille di Perancis namun fungsi dan tujuannya adalah tetap sama iaitu menjadi benteng atau tembok yang dibina khas bagi menghadapi pencerobohan musuh terutamanya orang Siam.

Kota Indera Kayangan adalah salah sebuah Kota Kerajaan negeri Kedah yang dibina oleh Sultan Dhiauddin Almkarram Syah Ibni Almarhum Sultan Muhyiddin Mansur Syah pada tahun 1062 Hijrah bersamaan 1661 Masihi sehingga tahun 1079 Hijrah bersamaan 1678 Masihi.

Selama lebih kurang 17 tahun Sultan Dhiauddin Almkarram Syah menjadi Sultan Kedah di Kota Indera Kayangan inilah baginda bersemayam dan menjalankan pemerintahan serta mentadbir negeri Kedah keseluruhannya bersama-sama dengan pembesar-pembesar negeri yang lain.

Lokasi dan Bentuk Kotonya


KOTA Indera Kayangan ini terletak di tebing Sungai Perlis kira-kira 5 kilometer dari muara Sungai Perlis. Kawasan kotanya meliputi Kampung Wai di tebing Utara Sg. Perlis membawa ke Kampung Titi Tok Bandar. Luas kawasan kota ini adalah dianggarkan 6-8 kilometer persegi. Dengan bersempadankan bukit iaitu Bukit Lambong Panah, Bukit Nasi Sebungkus Besar, Bukit Nasi Sebungkus Kecil, Bukit Jagat Hitam, Bukit Wai, Bukit Kayang dan Bukit Menara. Bukit-bukit ini amat berguna dan penting kerana ia merupakan penampan atau benteng semula jadi yang boleh menghalang musuh-musuh membolosi ke dalam kawasan kota tersebut.

Menurut cerita beberapa orang tua dan catatan Encik Ahmad Ismail, Kota Indera Kayangan ini melingkungi di bahagian utaranya bersempadankan Sungai Perlis, bukit-bukit dan sebahagian besarnya dibina tembok setinggi 6 kaki hingga 7 kaki. Di atas tembok tersebut ditanam dengan pohon buluh berduri. Buluh tersebut bertujuan untuk mengukuhkan tembok dan menyukarkan serangan musuh. Di kaki tembok bahagian luar pula digali parit sedalam 5 kaki hingga 6 kaki dan lebarnya lebih kurang 7 kaki hingga 8 kaki. Tujuan yang pertama, untuk mendapatkan tanah bagi pembinaan tembok dan kedua, untuk menyukarkan lagi musuh-musuh ketika hendak menyerang Kota tersebut.

Berdasarkan sumber yang ada di atas Bukit Menara terdapat beberapa buah meriam besar yang dipasang menghala ke Kuala Perlis. Meriam-meriam amat berguna bagi membedil musuh yang akan menyerang kota tersebut melalui Sungai Perlis. Dan di atas Bukit Menara ini juga terdapat pondok-pondok kawalan kerana dari atas bukit ini jelas kelihatan Laut Selat Melaka dan kawasan sekitarnya.

Dua buah pintu kota utama didirikan bagi membolehkan orang keluar masuk. Pintu kota utama terletak di antara Bukit Menara dan Bukit Jagat Hitam iaitu menghala ke arah Sungai Perlis, manakala sebuah lagi dibina arah selatan. Pintu kota ini diperbuat daripada kayu yang kuat dan dikawal rapi sepanjang masa. Beberapa orang pengawal ditugaskan mengawal pintu kota ini secara bergilir-bergilir. Orang yang keluar masuk diawasi dan perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu sebelum masuk atau keluar dari kawasan kota.

Menurut catatan Encik Ahmad Ismail, sebelum terbinanya Kota Indera Kayangan ini, pemerintahan negeri Kedah berpusat di Kota Sena, berhampiran dengan bandar Kangar. Kota Sena dibina semasa pemerintahan Sultan Muhyiddin Mansur Syah (1651-1661) iaitu ayahanda kepada Tengku Dhiauddin AlMukarram Syah. Apabila Tengku Dhiauddin ditabalkan menjadi Sultan Kedah, baginda berusaha mencari kawasan baru untuk dijadikan kota Istana.



Sebahagian dari kawasan kota

Perubahan pusat pentadbiran dan tempat bersemayam merupakan suatu kemestian bagi Sultan-Sultan Kedah pada zaman tersebut. Apabila perubahan pemerintahan, maka pusat pentadbiran juga turut berubah. Keadaan ini berlaku mungkin berpunca daripada kepercayaan karut yang dianuti oleh masyarakat ketika itu dan besar kemungkinan juga disebabkan untuk kepentingan keselamatan. Lantaran itu maka wujudlah beberapa buah kota di seluruh negeri Kedah (termasuk Perlis) dan setengahnya masih kekal hingga hari ini.

Kawasan Kayang dipilih sebagai "Kota Istana" oleh baginda Sultan Dhiauddin kerana mempunyai beberapa ciri. Antaranya yang utama ialah kawasan tersebut terletak di tebing sungai iaitu Sungai Perlis, hal ini amat penting dari segi perhubungan. Kedua, kawasan ini hampir dilingkungi oleh bukit. Keadaan ini amat strategik dari segi pertahanan dan memudahkan kerja-kerja pembinaan kota. Ketiga, terdapat kawasan tanah tinggi sesuai untuk dijadikan kawasan istana dan persekitarannya yang menarik serta subur.

Dalam kawasan kota terdapat sebuah istana iaitu tempat Sultan Dhiauddin Almurkarram Syah bersemayam berserta keluarga baginda. Berdekatan dengan istana terletak rumah-rumah pembesar yang utama iaitu rumah Temenggong dengan gelaran Paduka Maharaja Tenggang Anggota Desa. Beliau bertanggungjawab dalam hal keselamatan baginda Sultan dan dalam negeri.


Pada bahagian kanan istana ialah rumah Bendahara yang memakai gelaran Tengku Seri Paduka Maharaja Sura yang bertanggungjawab dalam hal pemerintahan dan keselamatan negara daripada ancaman musuh. Manakala rumah-rumah lain terletak berjauhan dari istana.

Pada bahagian hadapan istana terdapat "Balai Penghadapan" iaitu tempat Sultan menjalankan pemerintahan dan menerima pelbagai aduan dan laporan daripada Bendahara, Temenggong dan pembesar-pembesar negeri. Di samping itu, pelbagai kemudahan lain terdapat di perkarangan istana antaranya ialah Taman Bunga, tempat baginda Sultan dan keluarganya bersiar-siar.

Menurut suatu sumber perkataan "Kayangan" yang dipakai pada negeri Perlis itu diambil daripada pengucapan Sultan Dhiauddin Almurkarram Syah yang sering menyebut "Kota" yang dibinanya itu seperti "Kayangan". Selain Makam Almarhum Kayang pertama, satu lagi kesan sejarah yang membuktikan wujudnya Kota Indera Kayangan ini ialah Perigi Diraja yang terletak berhampiran dengan Bukit Kayang, di mana dipercayai merupakan kawasan letaknya istana Sultan Dhiauddin.

Mengikut cerita penduduk setempat dan tinjauan yang dibuat, air perigi ini tidak pernah kering walaupun ketika musim kemarau panjang. Dan kini perigi tersebut terbiar sahaja dan akan lenyap dilanda arus zaman.

Sementara itu, rakyat jelata kebanyakannya membuat perkampungan di sepanjang tebing sungai Perlis dan sekitarnya. Selain orang Melayu, terdapat beberapa keluarga Cina yang tinggal di Kampung Wai. Adalah dipercayai orang Cina ini merupakan golongan terawal mendiami negeri Perlis.



“Perigi Diraja” yang perlu dibaikpulih.

Robohnya Kota Indera Kayangan

SEBELUM mangkat, Sultan Dhiauddin Almurkarram Syah menggantikan takhta Kerajaan Kedah kepada cucunda baginda yang bernama Tengku Ngah Putra iaitu anak Tengku Sepora Negara dengan Juang Tawa seorang Putera Raja Bugis.

Hasrat baginda tidak mendapat perkenan oleh pembesar-pembesar Kedah sehingga baginda mangkat pada tahun 1687 Masihi. Apabila baginda Sultan Dhiauddin mangkat, pembesar-pembesar Kedah menabalkan putera baginda yang bernama Tengku Ataullah Mohamad Syah menjadi Sultan Kedah. Baginda memilih Bukit Pinang menjadi Kota tempat bersemayam dan pusat pemerintahan negeri Kedah dan jajahan takluknya.

Penolakan pembesar-pembesar Kedah melantik Tengku Ngah Putra menjadi Sultan Kedah membangkitkan kemarahan orang Bugis yang berhasrat mendapat kuasa dan pengaruhnya ke atas negeri-negeri Melayu khususnya Kedah. Justeru itu, pihak Bugis merancang untuk menyerang dan merampas kuasa daripada Sultan Kedah yang baru ditabalkan. Menyedari angkara yang akan berlaku, Sultan Ataullah memerintahkan rakyat supaya bersiap sedia memperkukuhkan kelima-lima buah kota pertahanan yang terdapat ketika itu.

Kota-kota yang dimaksudkan ialah Kota Wang Daratan Murapah, di Pulau Panjang, Kota Merbok, Kota Kuala Kedah, Kota Indera Kayangan dan Kota Pulau Ketam, Kuala Perlis. Kira-kira pada tahun 1868 Masihi, Tengku Ngah Putra telah membawa angkatan perang Bugis menyerang Kedah melalui Sungai Merbuk tetapi gagal mengalahkan Kedah. Sehubungan dengan kegagalan itu, Tengku Ataullah kekal sebagai Sultan dan terus bersemayam di Kota Bukit Pinang.

Ekoran perubahan kota pusat pemerintahan dari Kota Indera Kayangan ke Kota Bukit Pinang, maka ramai rakyat jelata mula meninggalkan kawasan tersebut. Dengan itu tinggallah Kota Kayangan terbiar mengharungi detik-detik kemusnahannya dari hari ke hari. Hari ini keseluruhan kota yang dibina telah luput serta tidak mempunyai sebarang kesan lagi.

Dan apa yang dapat kita lihat hari ini ialah makam Almarhum Kayang yang pertama iaitu Sultan Dhiauddin Almurkarram Syah Ibnu Almarhum Muhyiddin Mansur Syah bersama dengan beberapa kubur lain yang menjadi fakta sejarah tentang kewujudan "Kota Indera

Kayangan Pertama" pada abad ke-17 yang lalu. Adalah amat diharapkan agar sumber sejarah yang penting ini akan terus diawasi supaya ia dapat bertahan sehingga akhir zaman.

Sumber Rujukan :

1. *Ahmad Ismail dan Yazid Mat,*

Perlis Indera Kayangan, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992

2. *Ahmad Ismail - Catatan*

